

## **EDITORIAL**

This first issue of volume 27 of *KEMANUSIAAN the Asian Journal of Humanities* comprises six articles on issues surrounding cultural identity, literature, history and discourse. Five of the articles discuss issues relevant to the Asian context and one article addresses the universal concern of violence, from a philosophical lens.

The first article is a discussion of the Chinese Indonesians' reconstruction of their identity in post-Suharto era in Indonesia. The article examines the Chinese community's strategy to "remould their ethnic identity" through the Chinese media. The author argues that the reconstruction of the Chinese identity essentially required an understanding of what it means to be Chinese, and through the ethnic media, Chinese Indonesians readers are able to share a sense cultural identity "through perceived affiliation and shared symbols".

The second article discusses the *Siwang* ritual practised by the Semai indigenous people in the area of Kampar in Perak, Malaysia. This indigenous legacy, while still being practiced, has evolved alongside the changes in the lifestyle of the community as well as external factors such as deforestation, technological development and policies. The article discusses the changes in the *Siwang* ritual performed by the Bah Lut group. The authors focus on aspects of the changes such as venue and time of performance, accessories, costume and dance choreography, with the aim of documenting the unique *Siwang* ritual culture.

The focus of the third article is on violence in the post-apocalyptic novel, *The Road*. Using the Slovenian philosopher, Slavoj Žižek's theory of violence in analysing the novel, the authors conclude that the dire situation depicted in the novel "could be regarded as a codicil to Žižek's mentioned will...a metaphor compatible with Žižek's prognostication about the future of capitalism".

The fourth article in this volume is an interesting analysis of the *Naskah Kitab Hukum* manuscript. Published by Thomas Stamford Raffles in 1814, it is considered an important manuscript in the history of Indonesia's judicial system. The *Naskah Kitab Hukum* manuscript, the authors argue, was a means for social engineering the people of Java through the legislation process, accommodation of the social cohesion of the people, as well as domestication of English legal terms.

In the next article, the issue of concern is the depiction of refugees in the media. Given the problems of displaced communities around the world due to wars, economic and social problems, the article looks at the depiction of Yemeni refugees in South Korea in the country's media news reports. The author reports that the refugees are "undesirably represented by the South Korean media" as is often the case in media reports on refugees around the world.

The final article in this volume is a historical discussion of Indian labour throughout the colonial and post-colonial era in Malaysia. Based on an analysis of the Tamil Immigration Fund established in 1907, the authors argue that the fund was never used for the benefit of the South Indian labourers. The authors also claim that the role of the fund evolved over the span of 100 years from “supplying transient Indian labour force in the colonial period to becoming an agency promoting the welfare of Indian workers and their dependents who adopted Malaya as their own country in the early post-independence era”.

Hajar Abdul Rahim  
Editor-in-Chief  
KEMANUSIAAN the Asian Journal of Humanities  
April 2020

## **RENCANA KETUA PENGARANG**

Isu pertama Jilid 27 *KEMANUSIAAN the Asian Journal of Humanities* mengandungi enam buah makalah tentang isu yang berkaitan dengan identiti budaya, kesusasteraan, sejarah dan wacana. Lima dari enam makalah bertumpu kepada konteks Asia dan satu makalah membincangkan isu sejagat mengenai keganasan, menerusi lensa falsafah.

Makalah pertama ialah perbincangan tentang rekonstruksi identiti orang Cina Indonesia pada era pasca-Suharto di Indonesia. Makalah tersebut menganalisis strategi komuniti Cina dalam membentuk semula acuan identiti etnik mereka melalui media Cina. Penulis menghujahkan bahawa rekonstruksi identiti orang Cina pada asasnya memerlukan pemahaman terhadap persoalan “apakah maksud menjadi seorang Cina?” dan melalui media etnik tersebut, pembaca Cina Indonesia dapat mengongsi kepekaan tentang identiti budaya menerusi gabungan tanggapan dan pengongsian lambang.

Makalah kedua membincangkan ritual *Siwang* yang diamalkan oleh orang asal Semai di daerah Kampar di Perak, Malaysia. Sungguhpun masih dipraktikkan, ritual ini sudah berubah disebabkan perubahan gaya hidup komuniti tersebut dan faktor luaran, seperti penghapusan hutan, perkembangan teknologi dan dasar. Makalah ini membincangkan perubahan dalam ritual *Siwang* yang dipersembahkan oleh kumpulan Bah Lut. Penulis menumpukan aspek perubahan, seperti tempat dan masa persembahan, aksesori, kostum dan koreografi tarian dengan tujuan untuk mendokumentkan keunikan budaya ritual *Siwang*.

Tumpuan utama makalah ketiga pula ialah keganasan dalam novel pasca-apokaliptik *The Road*. Dengan menggunakan teori keganasan oleh ahli falsafah Slovenia, Slavoj Žižek untuk menganalisis novel tersebut, penulis menyimpulkan bahawa keadaan dahsyat yang dipersembahkan dalam novel berkenaan “boleh dianggap sebagai tambahan kepada apa-apa yang diajukan oleh Žižek...suatu metafora yang bersesuaian dengan ramalan Žižek tentang masa depan kapitalisme”.

Makalah keempat dalam jilid ini ialah analisis yang menarik terhadap manuskrip *Naskah Kitab Hukum*. Manuskrip yang diterbitkan oleh Thomas Stamford Raffles pada tahun 1814 ini dianggap antara yang penting dalam sejarah sistem kehakiman Indonesia. Penulis menghujahkan bahawa manuskrip *Naskah Kitab Hukum* merupakan wadah perancangan sosial orang Jawa menerusi proses perundangan, akomodasi perpaduan sosial dan pemperibuman terma undang-undang Inggeris.

Dalam makalah seterusnya, isu yang diutarakan ialah gambaran tentang pelarian dalam media. Dengan mengambil kira masalah komuniti yang disisihkan di seluruh dunia akibat peperangan dan masalah ekonomi dan sosial, makalah ini menganalisis gambaran pelarian Yemen di Korea Selatan dalam laporan media di negara tersebut. Penulis melaporkan bahawa media Korea Selatan menggambarkan pelarian tersebut “dengan cara yang tidak diingini” seperti yang lazim berlaku di kebanyakan tempat di seluruh dunia.

Makalah terakhir dalam jilid ini ialah satu perbincangan sejarah tentang buruh India sepanjang era penjajahan sehingga pasca-penjajahan di Malaysia. Berdasarkan satu analisis terhadap *Tamil Immigration Fund* yang dihasilkan pada tahun 1907, penulis mendakwa bahawa tabung tersebut tidak pernah digunakan untuk manfaat buruh India Selatan. Penulis juga mendakwa bahawa dalam tempoh 100 tahun, peranan tabung tersebut telah berubah daripada “membekalkan tenaga buruh sementara pada era penjajahan kepada sebuah agensi yang mempromosi kebaikan pekerja India dan tanggungan mereka yang menjadikan Malaya sebagai negara mereka pada awal era pasca-kemerdekaan”.

Hajar Abdul Rahim  
Ketua Pengarang  
KEMANUSIAAN the Asian Journal of Humanities  
April 2020